



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2020/2021

- NAMA KURSUS : BINAAN BANGUNAN
- KOD KURSUS : BBB 10202
- KOD PROGRAM : BBB
- TARIKH PEPERIKSAAN : JANUARI / FEBRUARI 2022
- JANGKA MASA : 3 JAM
- ARAHAN : 1. JAWAB SEMUA SOALAN YANG DISEDIAKAN.
2. PEPERIKSAAN AKHIR INI ADALAH PENTAKSIRAN SECARA **DALAM TALIAN** DAN DILAKSANAKAN SECARA **TUTUP BUKU**.

TERBUKA

S1 Nyatakan dua (2) jenis jentera yang sering digunakan dalam kerja pengorekan (2 markah)

S2

Situasi A:

En Razali bercadang untuk membina sebuah rumah banglo 2 tingkat dengan rekabentuk moden. Rumah akan didirikan di kawasan pantai. Butiran rumah adalah seperti berikut:

- Rumah ini dilengkapi dengan 4 bilik tidur, 2 tandas dan sebuah studio mini.
- Tempoh masa pembinaan : 24 bulan
- Jenis dinding rumah ini ialah dinding tanggung beban

Berdasarkan Situasi A:

- (i) Cadangkan jenis asas yang sesuai bagi rumah ini dan nyatakan justifikasi kepada pemilihan asas tersebut (10 markah)
- (ii) Nyatakan proses pembinaan bagi asas yang dicadangkan di (i) (10 markah)
- (iii) Terangkan tiga (3) faktor yang perlu diambilkira oleh kontraktor sebelum membuat pemilihan jenis asas bangunan tersebut (6 markah)

S3 Hotel Mesra merupakan hotel 3 bintang yang mempunyai masalah kerosakan yang teruk di bahagian lantai dan dinding. Pihak pengurusan bercadang untuk membuat pengubahsuaian kepada bangunan tersebut. Pengubahsuaian tersebut termasuk menukar kemas lantai daripada mozek kepada kemas yang baru dan menambah ketebalan tiang bangunan. Berdasarkan keadaan ini, cadangkan:

- (i) Jenis kemas lantai baru bagi bangunan ini dan ciri-ciri kemas lantai tersebut (10 markah)
- (ii) Jenis perancah atau tupang yang sesuai digunakan semasa menjalankan kerja-kerja pembaikan tiang dan nyatakan ciri-ciri utama perancah atau tupang tersebut (10 markah)

- S4
- (i) Bezakan sistem binaan berindustri dengan sistem binaan konvensional (4 markah)
 - (ii) Berikan satu contoh binaan berindustri yang terdapat di Malaysia dan nyatakan ciri-ciri binaan tersebut (10 markah)

TERBUKA

- S5 Dengan berbantuan contoh pembinaan yang sesuai, nyatakan proses kerja dan kelebihan bagi:
- (i) *Cofferdam*
 - (ii) *Gabion*
 - (iii) Kantilever
- (12 markah)
- S6 Wakaf di kawasan rawat dan rehat (R&R) merupakan salah satu jenis sistem pembinaan berindustri.
- (i) Nyatakan sistem pembinaan berindustri bagi wakaf tersebut (4 markah)
 - (ii) Nyatakan dua (2) kelebihan dan kelemahan sistem jenis ini (4 markah)
- S7 Rumah banglo Encik Azizan berada di lereng bukit. Hakisan sering berlaku di kawasan berikut terutamanya semasa hujan lebat
- (i) Terangkan secara terperinci dinding penahan yang sesuai dipasang di kawasan tersebut untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh (8 markah)
 - (ii) Jelaskan faktor-faktor yang perlu diambilkira bagi rekabentuk dinding penahan berkenaan (10 markah)

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA